

15 OCT 1998

Umno-Pas

PAS KELANTAN DICADANG NAIKKAN NIK AZIZ SEBAGAI PRESIDEN PARTI

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Umno Kelantan hari ini mencadangkan kepada Pas negeri itu supaya menaikkan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Presiden Pas, daripada memikirkan soal pemilihan Timbalan Presiden Umno.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata Pas Kelantan seharusnya menumpukan kepada soal kepimpinan partinya memandangkan Presidennya Datuk Fadzil Noor menggunakan Pas untuk menganjurkan perhimpunan bagi sebuah pertubuhan yang dinamakan Majlis Gerakan Keadilan Rakyat (Gerak), yang belum berdaftar.

"Dia (Fadzil) nampaknya tidak lagi memberi perhatian kepada Pas setelah dapat badan baru itu...saya fikir Pas patut jadikan Nik Aziz presiden barunya dan soal Umno biarlah Umno yang uruskan sendiri," katanya kepada pemberita di sini.

Annuar, Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata demikian ketika mengulas kenyataan Setiausaha Perhubungan Pas Kelantan Wan Abdul Rahim Wan Abdullah agar kesemua 14 bahagian Umno di Kelantan mencalonkan bekas Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah bertanding jawatan Timbalan Presiden pada pemilihan Umno tahun depan.

Annuar berkata kenyataan itu merupakan "perangkap" Pas untuk melihat anggota-anggota Umno berpecah sekiranya pelbagai pendapat dibuat mengenai perkara itu.

"Soal Umno, Pas tak perlu campur," katanya.

Menurutnya, Umno Kelantan belum membuat apa-apa pendirian berhubung soal timbalan presiden memandangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden parti telah menyatakan bahawa jawatan itu akan diisi pada pemilihan tahun depan.

"Biarlah kita tunggu sehingga pemilihan itu nanti, sekarang ini kita tumpu kepada kerja kita untuk bantu parti, kerajaan dan rakyat," katanya.

Katanya, kesemua bahagian Umno di Kelantan bebas membuat pencalonan masing-masing apabila masanya tiba nanti.

"Kita yakin mereka matang (untuk membuat pilihan), mereka mahu pemimpin yang terbaik di kalangan yang ada, mereka akan pilih yang terbaik," katanya.

Sementara itu Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata Pas tidak sepatutnya masuk campur dalam soal pemilihan Timbalan Presiden Umno kerana ia adalah urusan Umno.

"Soal siapa yang akan jadi Timbalan Presiden Umno, adalah hak ahli-ahli Umno yang akan ditentukan pada perhimpunan agung parti," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat wakil Barisan Nasional menjelang persidangan Parlimen di bangunan Parlimen di sini.

Mohamed, yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional, berkata kenyataan Pas itu bertujuan memecah-belahkan Umno dan anggota-anggota Umno seharusnya berwaspada.

-- BERNAMA

AZZ NMO